

19 MAR 2002

Mahathir-Bavaria/I

M'SIA BOLEH BANYAK BELAJAR DARIPADA BAVARIA, KATA DR M

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MUNICH, 19 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia boleh banyak belajar daripada Bavaria yang telah beralih daripada sebuah ekonomi pertanian kepada sebuah negeri perindustrian yang paling moden dan dinamik di Jerman dalam tempoh yang singkat.

Perdana Menteri berkata ibu negeri Bavaria, Munich, ialah sebuah bandar raya yang indah yang berjaya mengadun sejarah dan tradisinya bersama status modennya sebagai pusat teknologi tinggi negara itu.

Dalam ucapannya di majlis makan malam anjuran pemimpin Bavaria Dr Edmund Stoiber di sini, pada malam Isnin, Dr Mahathir mengucapkan tahniah atas kejayaan negeri itu.

"Hari ini, Bavaria masih terkenal kerana pemandangan indah gunung-ganangnya dan ladang-ladang pertanian yang luas, jam `cuckoo' dan Pesta Oktober. Tetapi Bavaria juga hari ini negeri yang paling makmur di Jerman," katanya.

Dr Mahathir akan bertolak ke ibu negara Jerman, Berlin pada Selasa dalam rangka lawatan tiga hari ke Jerman yang bermula di Munich semalam

Bavaria ialah negara terbesar daripada 16 negeri di Jerman dengan keluasan 70,552 sq km. Ia mempunyai penduduk lebih 12 juta dan kedudukannya ialah di selatan Jerman. Munich mempunyai penduduk lebih sejuta orang.

Negeri itu mewakili 32 peratus daripada Keluaran Kasar Dalam Negeri (KDNK) Jerman.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak lagi asing kepada ramai pelabur di Bavaria dan beliau boleh rasakan yang mereka berpendapat Malaysia menawarkan tempat yang selamat dan menguntungkan bagi pelaburan mereka.

"Kami mahu memastikan anda yang Malaysia akan terus kekal selamat dan stabil bagi pelaburan anda," katanya.

Perdana Menteri berkata banyak yang boleh ditawarkan oleh Malaysia kepada pelabur dari Bavaria.

"Sementara kita terbuka bagi semua perusahaan tambah nilai dan teknologi tinggi, kita khasnya berminat dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta multimedia," katanya.

Banyak syarikat bertaraf dunia seperti Siemens dan BMW beribu pejabat di Munich.

Majlis makan malam itu juga dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Dalam satu aturcara sebelum itu, Dr Mahathir memberitahu sekumpulan 200 penuntut Malaysia dan anggota masyarakat Malaysia di Jerman yang mereka juga perlu mencontohi sistem nilai dan etika penduduk Bavaria yang telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan negeri itu.

Beliau berkata, ini termasuk sikap ramah mesra terhadap orang asing.

"Satu hari nanti Malaysia boleh jadi kaya macam Bavaria dan pada peringkat itu kita juga perlu memikirkan untuk membantu yang lain, sama seperti kemudahan yang kita dapat gunakan di Bavaria untuk mendapatkan kemahiran dan pengetahuan," kata beliau lagi.

Sementara itu, di satu sesi dialog bersama ahli-ahli perniagaan Jerman di Dialog Perniagaan Malaysia-Jerman pada Isnin, Dr Mahathir berkata Malaysia akan melindungi hak paten dan harta intelek kerana ia menjadi kepentingan negara untuk berbuat demikian seperti juga kepentingan mereka yang telah mendaftarkan hak mereka.

"Bukan yang kita mahu benarkan pencabulan undang-undang paten. Kita mempunyai badan penguatkuasa yang besar di bawah Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, mereka membuat rondaan untuk merampas, dan menahan mereka yang menyalin (dengan tidak sah)," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata mana-mana negara yang cuba membuat perubahan dengan serta merta, walaupun bagi tujuan baik akan menghadapi masalah besar.

"Apabila kita berubah, kita perlu berubah perlahan-lahan, berperingkat-peringkat. Masalah dengan negara-negara tertentu seperti bekas negara-negara Komunis ialah mereka beralih segera kepada sistem pasaran bebas dan sistem demokrasi, menyebabkan huru-hara.

"Bukan perubahan tidak baik, atau menjadi pasaran bebas atau demokrasi adalah tidak baik. Cuma peralihan itu mendadak," katanya.

-- BERNAMA

MAM AHH PR